

Rugi Bukan Alasan Usahawan Tetap Wajib Lapor Pendapatan

Banyak usahawan kecil dan individu yang bekerja sendiri masih berpegang pada tanggapan bahawa perniagaan yang mengalami kerugian tidak perlu dilaporkan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (HAsiL). Hakikatnya, kefahaman ini adalah tidak tepat dan boleh membawa implikasi undang-undang yang serius sekiranya diabaikan.

Menurut HAsiL, **setiap individu yang menjalankan perniagaan wajib melaporkan pendapatan tahunan walaupun perniagaan mencatatkan kerugian.**

Kerugian bukan alasan untuk tidak menghantar Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP). Prinsip ini penting bagi memastikan sistem percukaian negara kekal telus dan adil.

Siapakah yang Diklasifikasikan Sebagai Usahawan?

Definisi “menjalankan perniagaan” pada hari ini jauh lebih luas berbanding dengan dahulu. Usahawan bukan hanya terhad kepada pemilik kedai, restoran atau syarikat berdaftar, malah merangkumi:

- peniaga dalam talian,
- penggiat YouTube dan pencipta kandungan,
- pengengaruh media sosial,
- pesohor Instagram (Instafamous),
- individu yang menerima bayaran untuk ulasan atau promosi.

Selagi seseorang menerima pendapatan secara konsisten daripada aktiviti tersebut, mereka dikira sebagai menjalankan perniagaan dan tertakluk pada kewajipan percukaian.



Untung atau Rugi, Borang Tetap Perlu Dihantar

Kerugian dalam perniagaan merupakan perkara biasa, terutamanya bagi perniagaan baharu atau usahawan mikro. Namun begitu, kegagalan menghantar Borang B tetap dianggap satu kesalahan. Sekiranya individu tersebut mempunyai pendapatan lain seperti gaji, pendapatan tersebut akan digabungkan dan masih berpotensi dikenakan cukai.

Situasi ini menunjukkan bahawa pelaporan pendapatan bukan semata-mata bertujuan mengutip cukai, tetapi untuk merekod kedudukan kewangan sebenar pembayar cukai.



Risiko Undang-undang Jika Gagal Laporkan

Di bawah **Seksyen 112(1) Akta Cukai Pendapatan 1967**, kegagalan mengemukakan BNCP dalam tempoh yang ditetapkan boleh menyebabkan:

- denda antara **RM200 hingga RM20,000**,
- hukuman penjara sehingga enam bulan, atau
- kedua-duanya sekali.

Selain itu, pembayar cukai juga berisiko menjalani audit cukai yang melibatkan semakan terperinci terhadap semua rekod kewangan perniagaan. Proses ini bukan sahaja memakan masa, malah boleh menjejaskan reputasi serta kestabilan kewangan perniagaan.

Kepentingan Rekod Kewangan yang Teratur

Bagi mengelakkan masalah semasa pelaporan cukai, rekod percukaian hendaklah disimpan sekurang-kurangnya **tujuh tahun**. Antara rekod penting termasuklah:

- penyata kewangan perniagaan,
- penyata bank,
- rekod keluar masuk wang tunai,
- invois pembekal dan invois jualan,

Hanya perbelanjaan secara langsung yang berkaitan dengan perniagaan dibenarkan untuk tuntutan cukai. Oleh itu, pemisahan antara perbelanjaan peribadi dengan perniagaan amat penting bagi mengelakkan kesilapan pelaporan.

Patuh Cukai, Imej Perniagaan Lebih Kukuh

Kepatuhan terhadap kewajipan cukai memberikan kelebihan jangka panjang kepada usahawan. Perniagaan yang patuh cukai dilihat lebih berintegriti dan diyakini oleh pelanggan, pelabur serta pihak berkuasa.

Selain itu, pelaporan pendapatan yang betul membuka peluang kepada usahawan untuk menikmati pelbagai insentif dan kemudahan kerajaan seperti bantuan kewangan, latihan keusahawanan dan insentif cukai tertentu.

SEDIA DOKUMEN AWAL

Siapkan Borang EA/EC, Resit & Penyata Pendapatan

Tak Perlu Kelam-Kabut Nanti

BORANG EA/EC

RESIT

PENYATA PENDAPATAN

TIP: Susun dokumen lebih awal untuk urusan cukai yang lebih lancar dan tenang.

HASIL **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

www.hasil.gov.my | 03-8911 1000 | @HASIL_Malaysia

Sumber: HASIL

Kesimpulan

Melaporkan pendapatan walaupun perniagaan mengalami kerugian bukanlah satu beban, sebaliknya satu langkah bijak untuk melindungi masa hadapan perniagaan. Kepatuhan terhadap sistem percukaian bukan sahaja mengelakkan risiko undang-undang, malah membantu membina perniagaan yang lebih mampan, dipercayai dan berdaya saing.

Artikel ini diterbitkan oleh Jabatan Khidmat Korporat, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.